

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar mengikut kaum yang mendapat tawaran serta bilangan pelajar yang menerima tawaran bagi mengikuti pengajian tinggi di universiti tempatan, kolej matrikulasi, politeknik, maktab perguruan dan kolej komuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi permohonan kemasukan lepasan SPM ke Universiti Awam (UA) Institut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Matrikulasi (KM), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), sebanyak 205,972 calon telah mengemukakan permohonan bagi sesi akademik 2020/2021.

Daripada jumlah permohonan sebanyak 205,972, sebanyak 102,361 calon telah ditawarkan tempat pengajian di IPTA, Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi. Daripada jumlah tersebut, 91,434 atau 89 peratus calon adalah Bumiputera dan 10,927 atau 11 peratus bukan Bumiputera.

Pada sesi akademik 2020/2021, seramai 79,480 calon lepasan SPM telah menyatakan persetujuan untuk menerima tawaran kemasukan bagi melanjutkan pengajian ke IPT dengan pecahan 73,030 atau 92 peratus calon adalah bumiputera dan 6,450 atau lapan (8) peratus calon adalah bukan bumiputera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kerajaan untuk memastikan hospital/ klinik swasta dan Kerajaan melaporkan kes barah baru memandangkan proses ini adalah diwajibkan (mandatory notification of cancer cases). Dan adakah Kementerian cadang untuk mengenakan denda kepada sesiapa yang tidak mengamalkan peraturan yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Barah merupakan salah satu penyakit tidak berjangkit yang penting di Malaysia. Laporan *Malaysia National Cancer Registry Report* (MNCR) 2007-2011 dan MNCR 2012-2016 menyatakan bahawa risiko seumur hidup bagi penduduk Malaysia untuk mendapat penyakit barah adalah 1 per 10 bagi lelaki dan 1 per 9 bagi wanita. MNCR 2012-2016 juga melaporkan pertambahan bilangan kes baru pada tahun 2012-2016 (115,238 kes) berbanding tahun 2007-2011 (103,507 kes). Pengumpulan data kes-kes barah untuk penerbitan laporan MNCR tersebut adalah secara manual iaitu melalui notifikasi yang diterima dari pihak hospital dan pencarian kes secara aktif di pejabat rekod hospital-hospital bagi kes-kes yang tidak dihantar notifikasi. Pencarian kes secara aktif ini dilakukan oleh anggota kesihatan dari Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Jabatan Kesihatan Negeri seluruh negara.

2. Bagi memudahkan pengumpulan data penyakit barah dilakukan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membangunkan satu sistem atas talian untuk dijadikan platform bagi melaporkan atau menotifikasikan kes-kes baru kanser. Justeru, kini, semua pengamal perubatan di fasiliti kesihatan yang merawat kes barah diminta untuk melaporkan semua kes barah yang dirawat secara atas talian menggunakan Modul M2b dalam Sistem Maklumat Rawatan Pesakit (SMRP) di bawah *My Health Data Warehouse* (MyHDW), KKM, dan tidak lagi secara manual.

3. Bagi memastikan Pegawai Perubatan di fasiliti kesihatan yang terlibat dalam pengurusan pesakit barah melaporkan kes-kes secara atas talian melalui Modul M2b di SMRP, satu arahan pentadbiran melalui Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah dikeluarkan pada 27 April 2020 yang mewajibkan semua Pegawai Perubatan berdaftar yang terlibat dalam pengurusan kes barah di KKM untuk melaporkan kes-kes barah yang dirawat di fasiliti masing-masing.

4. Sementara itu, semua Pegawai Perubatan berdaftar di fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan swasta diminta untuk turut sama melakukan notifikasi kes-kes barah yang dirawat di fasiliti mereka. Latihan penggunaan sistem SMRP Modul 2b yang melibatkan penyertaan dari hospital-hospital KKM, universiti dan swasta telah pun dilaksanakan di semua negeri dan akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan berdasarkan keperluan.

5. Memandangkan arahan pentadbiran melalui pekeliling tidak dikategorikan sebagai akta atau peraturan di bawah undang-undang, maka tiada denda akan dikenakan kepada Pegawai Perubatan berdaftar yang tidak melakukan notifikasi. Namun demikian, kerjasama serta komitmen dari semua Pegawai Perubatan berdaftar adalah amat penting bagi membolehkan gambaran sebenar statistik penyakit barah di Malaysia diperolehi dan seterusnya langkah-langkah atau strategi serta sasaran kawalan dan rawatan yang lebih tepat dapat dilaksanakan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN NO. 110

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak pembedahan yang ditangguhkan atau dibatalkan di hospital KKM dari 18 Mac hingga Jun 2020. Berikan perincian bilangan jenis pembedahan yang dibatalkan atau ditangguhkan. Berapa banyak operasi yang berkaitan dengan barah yang dibatalkan atau ditangguhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga April 2020, terdapat 34,848 kes pembedahan bukan kanser dan kanser yang tertangguh di hospital KKM dari pelbagai disiplin pembedahan. Daripada jumlah kes ini sebanyak 32,147 adalah kes pembedahan bukan kanser, 2,413 kes pembedahan kanser dan 18 kes pembedahan transplan buah pinggang. Disiplin Pembedahan Oftalmologi mencatatkan penangguhan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 16,510 kes pembedahan.

2. Penangguhan kes-kes pembedahan semasa tempoh ini adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang mana perkhidmatan hospital adalah tertumpu kepada pesakit-pesakit COVID-19 dan kesiapsiagaan fasiliti dalam menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang melanda Negara.

3. Bagi mengatasi penangguhan kes ini, KKM telah mengatur beberapa langkah antaranya:

- a) Pelanjutan masa perkhidmatan Klinik Pakar dan Dewan Bedah;
- b) Menjalankan pembedahan dan prosedur perubatan lain seperti angiogram, *Percutaneous Coronary Intervention* (PCI), intervensi radiologi dan beberapa prosedur lain pada hari Sabtu;
- c) Inisiatif *Global Surgery* di mana pembedahan elektif yang berisiko rendah dilaksanakan di Hospital Tanpa Pakar oleh Pegawai Perubatan;
- d) Perkhidmatan Hospital Kluster dengan mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga manusia, fasiliti dan peralatan di Hospital-hospital Tanpa Pakar; dan
- e) Penyumber luaran beberapa perkhidmatan seperti rawatan radioterapi bagi pesakit kanser dan perkhidmatan pembedahan jantung.

Sekian, terima kasih.

